



UNDANG-UNDANG NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Enakmen 22

ENAKMEN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH 1965

(Disemak — 2014)

**ENAKMEN PERBADANAN KEMAJUAN
NEGERI KEDAH 1965**

Tarikh Perkenan Diraja	25 Ogos 1965
Disemak sehingga	1 Oktober 2014
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i> bagi versi semakan ini	23 Oktober 2014
Tarikh yang ditetapkan untuk mula berkuat kuasanya versi semakan ini menurut <i>perenggan 5(1)(x)</i> <i>Enakmen Penyemakan Undang-Undang</i> <i>(Kedah Darul Aman) 2005 [Enakmen 1]</i>	23 Oktober 2014

Pertama kali diperbuat dalam tahun 1965 sebagai Enakmen Bil. 5 Tahun 1965

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).

UNDANG-UNDANG NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Enakmen 22

ENAKMEN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH 1965

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PERBADANAN

3. Penubuhan dan pemerbadanan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah
4. Pembentukan Perbadanan
5. Meterai perbadanan
6. Mesyuarat Perbadanan
7. Kuasa Perbadanan untuk mewakilkan
8. Kuorum mesyuarat Perbadanan
9. Anggota yang berkepentingan tidak boleh berurusan

BAHAGIAN III

PEGAWAI DAN PEKHIDMAT

10. Pelantikan pegawai dan pekhidmat Perbadanan
11. Tidak layak diambil bekerja sebagai pegawai Perbadanan
12. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

BAHAGIAN IV

TUGAS DAN KUASA PERBADANAN

Seksyen

13. Tugas Perbadanan
14. Kuasa am Perbadanan
15. Kuasa am untuk mengambil tanah melalui Pihak Berkuasa Negeri
16. Kuasa meminjam
17. Pinjaman boleh dicagar dengan gadai janji
18. Penguatkuasaan cagaran
19. Kuasa memberi pinjaman
20. Kuasa menjamin
21. Kesalahan berkenaan dengan pinjaman

BAHAGIAN V

KUMPULAN WANG DAN HASIL PERBADANAN

22. Kumpulan wang Perbadanan
23. Had menggunakan Kumpulan Wang Modal
24. Penggunaan Kumpulan Wang Hasil
25. Pelaburan
26. Akaun bank
27. Akaun dan audit
28. Laporan tahunan
29. Kuasa menggunakan ejen
30. Pengecualian

BAHAGIAN VI

PENGKULUNGAN PERBADANAN

31. Pengkulungan

BAHAGIAN VII

PELBAGAI PERKARA

Seksyen

32. Peraturan dan perintah tetap
33. Perbadanan boleh dianggap sebagai Melayu
34. Pemberian
35. Peruntukan bagi Incorporation (State Legislature Competency) Act 1962



UNDANG-UNDANG NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Enakmen 22

ENAKMEN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH 1965

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[9 September 1965]

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah 1965.

Tafsiran

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Pihak Berkuasa Melantik” ertinya pihak berkuasa yang mempunyai kuasa melantik anggota Perbadanan di bawah seksyen 4;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Perbadanan dan termasuklah Timbalan Pengerusi dan mana-mana Pengerusi sementara yang dilantik di bawah seksyen 4;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah yang ditubuhkan bagi maksud pembangunan kemajuan bandar dan luar bandar di bawah seksyen 3;

“Dewan Negeri” ertinya Dewan Negeri Negeri Kedah;

“anggota” atau “anggota Perbadanan” ertinya seseorang anggota Perbadanan yang dilantik di bawah seksyen 4;

“Menteri Besar” ertinya Menteri Besar Negeri Kedah; dan

“Menteri” ertinya Perdana Menteri atau mana-mana Menteri sebagaimana yang dinamakan olehnya;

“Negeri” ertinya Negeri Kedah.

BAHAGIAN II

PERBADANAN

Penubuhan dan pemerbadanan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah

3. (1) Suatu pertubuhan perbadanan bernama “Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah” ditubuhkan.

(2) Perbadanan hendaklah kekal turun-temurun.

(3) Perbadanan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya.

(4) Perbadanan boleh—

(a) membuat kontrak;

(b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati harta alih dan harta tak alih; dan

(c) memindahkan, menyerahkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaikan, mendemiskan, menyerahkan semula, memindahkan hakmilik atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau menjalankan urusan mengenai apa-apa harta alih atau tak alih atau apa-apa kepentingan mengenai harta itu yang terletak hak kepada Perbadanan mengikut apa-apa syarat yang disifatkan patut oleh Perbadanan.

Pembentukan Perbadanan

4. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Perbadanan hendaklah terdiri daripada—

- (a) seorang Pengerusi, iaitu Menteri Besar;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi, yang hendaklah dilantik oleh Perbadanan daripada anggotanya sendiri. Timbalan Pengerusi hendaklah terus menyandang jawatan itu selagi ia menjadi anggota Perbadanan atau sehingga pelantikannya sebagai Timbalan Pengerusi dibatalkan oleh Perbadanan;
- (c) tidak lebih daripada dua orang anggota *ex officio* yang hendaklah dilantik oleh Menteri Besar dan dua orang anggota lain yang dilantik oleh Raja dalam Mesyuarat dari semasa ke semasa;
- (d) tiga orang wakil Kerajaan Persekutuan yang dilantik oleh Menteri;
- (e) tidak kurang daripada tiga orang anggota yang difikirkan patut dilantik oleh Raja dalam Mesyuarat;
- (f) Ketua Eksekutif Perbadanan yang dilantik di bawah subseksyen 10(1).

(2) Anggota yang dilantik menurut perenggan 1(a), (c), (e) dan (f) hendaklah tidak melebihi sembilan orang anggota.

(3) (a) Tiap-tiap anggota Perbadanan, selain daripada Pengerusi, anggota *ex officio* dan mereka yang dilantik di bawah perenggan 1(e) dan (f), hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh tidak melebihi dua tahun dari tarikh pelantikannya melainkan jika ia telah meletak jawatan sebelumnya.

(b) Walau apa pun perenggan 3(a), Raja dalam Mesyuarat hendaklah pada mulanya apabila melantik anggota Perbadanan menurut perenggan (1)(e) melantik sekurang-kurangnya seorang anggota selama tempoh tiga tahun, seorang anggota

selama tempoh dua tahun dan seorang anggota selama tempoh setahun supaya tidak kurang daripada satu pertiga daripada anggota Perbadanan selain daripada anggota *ex officio* bersara tiap-tiap tahun.

(4) Anggota Perbadanan boleh dilantik semula apabila habis tempoh jawatannya.

(5) Mana-mana anggota Perbadanan boleh meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis yang ditandatangani kepada Pengerusi.

(6) Anggota Perbadanan boleh memilih mana-mana anggota Perbadanan menjadi Pengerusi sementara bagi Perbadanan semasa Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Perbadanan tiada berdaya buat sementara kerana sakit atau semasa ketiadaan sementara daripada Persekutuan.

(7) (a) Pengerusi boleh mewakilkan secara bertulis kepada mana-mana anggota, pegawai atau pekhidmat Perbadanan kuasa dan kewibawaan untuk menjalankan bagi pihaknya tugas, kuasa atau fungsinya sebagaimana yang ditentukannya.

(b) Pengerusi boleh bagi maksud perenggan (a), memberikan arahan bagaimana kuasa yang diwakilkan atau kewibawaan itu dilaksanakan dan boleh membatalkan, mengubah suai atau menambah perwakilan itu.

(8) Perbadanan boleh dari semasa ke semasa memutuskan untuk memberi saran kepada Timbalan Pengerusi bagi tempoh tertentu dan atas apa-apa terma yang difikirkannya patut.

(9) Segala perbuatan yang dilakukan oleh anggota atau oleh mana-mana orang yang diguna khidmat oleh Perbadanan, walaupun selepas itu didapati bahawa terdapat kecacatan dalam pelantikan mana-mana anggota atau orang yang diguna khidmat itu seperti yang tersebut dahulu, adalah sah seolah-olah tiap-tiap anggota atau orang itu telah dilantik sewajarnya oleh Perbadanan.

(10) (a) Pihak Berkuasa Melantik boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota Perbadanan selain Pengerusi, jika Pihak Berkuasa Melantik fikir suai manfaat untuk berbuat demikian tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan pelantikan itu —

(i) jika dia telah melakukan apa-apa salah laku, keingkaran atau pecah amanah dalam melaksanakan tugasnya sebagai anggota yang pada pendapat Pihak Berkuasa Melantik menjadikannya tidak layak untuk terus menjadi anggota;

(ii) jika dia telah disabitkan dan dijatuhi hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak kurang dari satu tahun bagi kesalahan yang pada pendapat Pihak Berkuasa Melantik menjadikannya wajar bahawa dia hendaklah dipecat daripada jawatannya;

(iii) jika dia menghidap sesuatu keuzuran akal atau jasmani yang pada pendapat Pihak Berkuasa Melantik menjadikannya tidak layak atau selainnya tidak berupaya untuk melaksanakan tugasnya sebagai anggota; dan

(iv) jika dia telah diisytiharkan bankrap.

(b) Anggota Perbadanan hendaklah mengosongkan jawatannya jika dia hilang kelayakan di bawah subperenggan (a)(i) atau gagal menghadiri tiga kali mesyuarat Perbadanan berturut-turut tanpa keizinan atau kebenaran khas bertulis Pengerusi atau orang yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan pentadbiran am Perbadanan.

(11) Jika mana-mana anggota Perbadanan, selain daripada Pengerusi, atau anggota *ex officio* tiada di Malaysia buat sementara atau tidak berupaya buat sementara untuk menjalankan tugasnya sebagai anggota Perbadanan, seorang lain boleh dilantik untuk menggantikannya oleh Raja dalam Mesyuarat tetapi hendaklah memegang jawatan hanya semasa ketiadaan atau ketidakupayaan anggota itu.

(12) Jika mana-mana anggota meninggal dunia, meletak jawatan atau dipecat di bawah subseksyen (10), kekosongan jawatan itu hendaklah diisi dengan pelantikan baru yang dibuat mengikut cara yang sama sebagaimana pelantikan anggota yang tempatnya hendak diisi itu.

Meterai perbadanan

5. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang mengandungi sesuatu reka bentuk yang diluluskan oleh Perbadanan, dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baru oleh Perbadanan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Perbadanan di bawah seksyen ini, suatu cap yang mengandungi tulisan “Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah” boleh digunakan sebagai meterai perbadanan.

(3) Meterai perbadanan, atau cap yang disebut dalam subseksyen (2), selagi digunakan sebagai meterai perbadanan hendaklah dalam jagaan Pengerusi dan segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang menghendaki meterai Perbadanan, hendaklah dimeteraikan dengan meterai atau cap Perbadanan di hadapan Pengerusi dan seorang anggota atau pegawai Perbadanan yang diberi kuasa oleh Perbadanan untuk bertindak bagi pihaknya, yang hendaklah menandatangani apa-apa surat ikatan, dokumen atau surat cara lain itu yang meterai atau cap itu dicapkan dan tandatangan itu hendaklah menjadi bukti yang mencukupi bahawa meterai atau cap itu telah dicapkan dengan sempurna dan sepatutnya dan meterai atau cap itu ialah atau digunakan sebagai meterai yang sah bagi Perbadanan.

(4) Meterai atau cap Perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Mesyuarat Perbadanan

6. (1) Perbadanan hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali pada tiap-tiap sembilan puluh hari dari tarikh kuat kuasa Enakmen ini bagi maksud menimbangkan apa-apa urusan yang mengenainya notis hendaklah diberi dengan sempurna dan sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tahun dalam mesyuarat itu bagi maksud menimbangkan perbelanjaan tahunan bagi tahun yang akan datang.

(2) Pengerusi boleh pada bila-bila masa memanggil mesyuarat Perbadanan dan hendaklah, apabila diminta secara bertulis oleh tidak kurang daripada tiga orang anggota Perbadanan, memanggil suatu mesyuarat khas dalam masa sepuluh hari dari tarikh permintaan itu.

(3) Minit dalam bentuk yang sepatutnya bagi setiap mesyuarat Perbadanan hendaklah disimpan dan hendaklah disahkan dan ditandatangani oleh Pengerusi secepat yang dapat dilaksanakan sesudah itu dalam mesyuarat yang kemudian.

(4) Perbadanan boleh menjemput mana-mana orang menghadiri mana-mana mesyuarat Perbadanan bagi maksud membantu atau menasihati Perbadanan tetapi orang yang dijemput itu tidak berhak mengundi.

Kuasa Perbadanan untuk mewakilkan

7. (1) Perbadanan boleh melalui ketetapan mewakilkan kepada mana-mana anggota, pegawai atau pekhidmat Perbadanan atau kepada mana-mana jawatankuasa yang mengandungi dua atau lebih anggota, pegawai atau pekhidmat Perbadanan kuasa dan kewibawaan untuk menjalankan bagi pihak mereka apa-apa tugas, kuasa atau fungsi yang ditentukan oleh Perbadanan.

(2) Perbadanan boleh bagi maksud subseksyen (1), memberi arahan bagaimana kuasa yang diwakilkan atau kewibawaan itu dilaksanakan dan boleh pada bila-bila masa membatalkan, mengubah suai atau menambah perwakilan itu.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan makna subseksyen (1) dan tertakluk kepada subseksyen (2), Perbadanan boleh dengan ketetapan mewakilkan kepada mana-mana anggota, pegawai atau pekhidmat Perbadanan atau kepada mana-mana jawatankuasa yang mengandungi dua atau lebih anggota, pegawai atau pekhidmat Perbadanan, kuasa untuk membenarkan perbelanjaan, hingga ke suatu had yang hendaklah ditetapkan oleh Perbadanan bagi setiap kes, daripada kumpulan wang atau apa-apa wang lain di bawah kawalan Perbadanan.

(4) Ketetapan untuk mewakilkan apa-apa tugas, kuasa atau fungsi di bawah seksyen ini adalah tidak sah melainkan jika sekurang-kurangnya lima orang anggota Perbadanan mengundi memihak ketetapan itu.

Kuorum mesyuarat Perbadanan

8. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), kuorum Perbadanan di mana-mana mesyuarat hendaklah sekurang-kurangnya setengah daripada anggota-anggota Perbadanan dengan sekurang-kurangnya seorang anggota daripada wakil Kerajaan Persekutuan yang hadir.

(2) Kuorum itu hendaklah sekurang-kurangnya dua pertiga dengan sekurang-kurangnya seorang anggota daripada wakil Kerajaan Persekutuan yang hadir jika mesyuarat menimbang teliti atau memutuskan perkara yang berikut:

- (a) untuk menubuhkan atau menggalakkan penubuhan atau pembesaran syarikat-syarikat atau badan-badan lain untuk menjalankan kegiatan sama ada di bawah kawalan atau kawalan separa Perbadanan atau secara bebas;
- (b) untuk memberi bantuan kewangan kepada mana-mana syarikat, pihak berkuasa berkanun yang lain, apa-apa badan atau orang dengan memiliki syer atau debentur atau dengan cara apa-apa peminjaman, pendahuluan, geran atau sebaliknya;
- (c) untuk membeli, menanggung atau selainnya memperoleh apa-apa saham dan syer dalam mana-mana syarikat awam atau persendirian; atau
- (d) untuk meminjam wang atau membuat jaminan melibatkan liabiliti kewangan.

(3) Jika atas apa-apa persoalan yang hendak ditentukan oleh Perbadanan terdapatnya persamaan undi, orang yang mempengerusikan mesyuarat itu mempunyai undi pemutus.

(4) Tertakluk kepada subseksyen (1), (2) dan (3), Perbadanan boleh menentukan tata caranya sendiri.

Anggota yang berkepentingan tidak boleh berurusan

9. (1) Mana-mana anggota yang mempunyai atau memperoleh, secara langsung atau tidak langsung dengan sendirinya, melalui rakan kongsinya atau ejennya—

- (a) apa-apa syer atau kepentingan dalam apa-apa kontrak yang dibuat dengan atau kerja yang dibuat bagi Perbadanan atau dalam mana-mana syarikat atau dengan mana-mana orang atau berkenaan dengan apa-apa usaha yang dengannya Perbadanan bercadang hendak membuat; atau

- (b) apa-apa kepentingan benefisial dalam tanah yang dicadang hendak diperoleh, dibeli, dipajak atau diuruskan secara lain oleh Perbadanan atau yang ia tahu akan terlibat atau mungkin akan terlibat dengan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang diluluskan atau dicadang untuk diluluskan oleh Perbadanan; atau
- (c) apa-apa kepentingan dalam apa-apa perkara yang dalam perbincangan Perbadanan;

hendaklah dengan segera mendedahkan kepada Perbadanan fakta syernya atau kepentingannya dan jenisnya, dan pendedahan itu hendaklah direkodkan dalam minit Perbadanan dan melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi, pada mesyuarat itu, anggota itu tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding, ketetapan, soalan atau keputusan, atau dalam apa-apa pertimbangan atau perbincangan oleh Perbadanan yang berhubungan dengan kontrak, pemerolehan, pembelian, pajakan, urusan, atau mengambil bahagian dalam apa-apa keputusan, atau apa-apa pertimbangan atau perbincangan oleh Perbadanan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

(2) Tiada seorang pun boleh dianggap mempunyai atau memperoleh apa-apa syer atau kepentingan dalam sesuatu kontrak dengan Perbadanan hanya oleh sebab dia mempunyai atau memperoleh syer dalam apa-apa pinjaman yang dikeluarkan oleh Perbadanan atau dalam apa-apa cagaran baginya.

BAHAGIAN III

PEGAWAI DAN PEKHIDMAT

Pelantikan pegawai dan pekhidmat Perbadanan

10. (1) Perbadanan hendaklah, dengan kelulusan Raja dalam Mesyuarat, melantik mana-mana orang yang difikirkan sesuai menjadi Ketua Eksekutif Perbadanan yang hendaklah melaksanakan apa-apa tugas sebagaimana yang diamanahkan atau diwakilkan oleh Perbadanan dan mana-mana orang lain untuk berkhidmat kepada Perbadanan dalam kapasiti sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

(2) Perbadanan boleh melantik atau mengguna khidmat seorang atau lebih Setiausaha dan mana-mana pegawai dan pekhidmat lain sebagaimana yang semunasabahnya perlu bagi maksud Enakmen ini.

(3) Pegawai dan pekhidmat Perbadanan hendaklah berada di bawah kawalan pentadbiran Ketua Eksekutif.

(4) Semua anggota, pegawai dan pekhidmat Perbadanan hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

(5) Orang yang dilantik sebagai Ketua Eksekutif Perbadanan di bawah subseksyen (1) hendaklah sepanjang jangka masa pelantikannya sebagai Ketua Eksekutif Perbadanan menjadi anggota Perbadanan.

(6) Jika Ketua Eksekutif Perbadanan tiada di Malaysia buat sementara atau tidak berupaya buat sementara oleh sebab sakit atau apa-apa sebab lain yang memadai, daripada melaksanakan tugasnya, seorang lain boleh dilantik mengikut cara yang diperuntukkan oleh subseksyen (1) menjadi Ketua Eksekutif Perbadanan semasa ketiadaan atau ketidakupayaan sementara itu.

(7) Saraan, terma dan syarat perkhidmatan Ketua Eksekutif Perbadanan hendaklah ditentukan oleh Raja dalam Mesyuarat.

(8) Pegawai atau pekhidmat Perbadanan tidak boleh menggunakan apa-apa maklumat yang diperolehi oleh sebab kedudukannya sebagai seorang pegawai atau pekhidmat Perbadanan untuk mendapat secara langsung atau tidak langsung kelebihan yang tidak wajar bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain atau untuk menyebabkan kemudaratan kepada Perbadanan.

Tidak layak diambil bekerja sebagai pegawai Perbadanan

11. (1) Tiada seorang pun layak diambil bekerja sebagai Ketua Eksekutif, Setiausaha, pegawai atau pekhidmat Perbadanan yang mempunyai secara langsung atau tidak langsung, oleh dirinya sendiri atau rakan kongsinya atau pasangannya, apa-apa syer atau kepentingan dalam apa-apa kontrak dengan atau bagi pihak Perbadanan.

(2) Ketua Eksekutif, Setiausaha, mana-mana pegawai lain atau pekhidmat Perbadanan yang mempunyai atau memperoleh apa-apa syer atau kepentingan sedemikian boleh mengikut budi bicara Perbadanan dibuang kerja secara terus tanpa notis.

(3) Ketua Eksekutif, Setiausaha, atau mana-mana pegawai lain atau pekhidmat tidak boleh dianggap sebagai memiliki atau memperoleh apa-apa syer atau kepentingan sedemikian hanya oleh sebab—

(a) dia ialah anggota bagi apa-apa syarikat yang diperbadankan yang mempunyai tanah yang terletak di Malaysia atau mempunyai kontrak dengan atau melaksanakan kerja bagi Perbadanan, melainkan jika dia mempunyai kepentingan benefisial dalam syer syarikat itu dan jumlah nilai nominal syer itu melebihi sepuluh ribu ringgit atau satu per sepuluh daripada jumlah nilai nominal modal syer terbitan syarikat itu mengikut mana-mana yang kurang; atau

(b) dia mempunyai atau memperoleh bahagian dalam mana-mana pinjaman yang dikeluarkan oleh Perbadanan atau dalam mana-mana cagaran bagi pinjaman itu.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

12. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Perbadanan atau terhadap mana-mana anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen Perbadanan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau yang dilakukan oleh Perbadanan atau mana-mana orang atas sifat sedemikian.

BAHAGIAN IV

TUGAS DAN KUASA PERBADANAN

Tugas Perbadanan

13. Tugas Perbadanan adalah—

(a) untuk menggalakkan atau mengusahakan pembangunan mana-mana kawasan kediaman, perindustrian, pertanian dan perdagangan dalam Negeri yang ditetapkan bagi maksud itu;

- (b) untuk menggalakkan atau mengusahakan apa-apa jenis perniagaan, perdagangan dan perusahaan komersial termasuk perusahaan pertanian, perindustrian, perumahan dan perlombongan dalam Negeri atau di mana saja dalam Malaysia sebagaimana yang fikirkan patut oleh Perbadanan;
- (c) untuk menggalakkan, bilamana perlu, mana-mana syarikat atau syarikat-syarikat bagi apa-apa maksud yang dinyatakan dalam perenggan (b);
- (d) untuk bertindak sebagai pihak berkuasa tempatan di dalam kawasan yang di luar kawasan pihak berkuasa tempatan jika dibenarkan sedemikian mengikut mana-mana undang-undang bertulis; dan
- (e) untuk menjalankan segala apa-apa tindakan dan perkara lain yang perlu bagi pelaksanaan kesemua atau mana-mana fungsi atau tugas Perbadanan di bawah Enakmen ini atau menjalankan apa-apa fungsi lain sebagai suatu badan atau pihak berkuasa jika dilantik sedemikian oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan mengikut mana-mana undang-undang bertulis.

Kuasa am Perbadanan

14. Perbadanan boleh—

- (a) membeli, menukarkan, memajak dan memegang milik tanah, bangunan dan harta tak alih lain;
- (b) membina rumah, rumah pangsa, tenemen, kedai dan rumah kedai, mengubah mana-mana rumah, kedai atau rumah kedai menjadi rumah pangsa atau tenemen;
- (c) membeli, menukarkan, memajak dan memegang milik tanah bagi maksud pemajuan dan penjualan semula kepada orang ramai sebagai lot bangunan dan bagi maksud mengadakan tempat lapang dan padang permainan;
- (d) membuat apa-apa kerja di atas tanah yang perlu bagi maksud memajukannya sebagai tanah bangunan;

- (e) membeli, menukarkan, memajak dan memegang milik tanah lombong, tanah pertanian dan tanah balak bagi maksud perlombongan, pembangunan pertanian dan pembalakan mengikut susunannya masing-masing;
- (f) menjual tanah, bangunan atau harta tak alih lain;
- (g) memajak kepada orang lain mengikut peruntukan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa dalam Negeri yang berhubungan dengan tanah atau urusan berkenaan dengan tanah, dari sebulan ke sebulan atau selainnya, mana-mana tanah atau bangunan atau harta tak alih lain pada apa-apa kadar sewa dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Perbadanan;
- (h) membuat kontrak dengan orang lain bahawa orang itu mestilah membina atau membuat apa-apa kerja bagi pihak Perbadanan;
- (i) membuat apa-apa kontrak atau membuat apa-apa perbuatan atau perkara lain yang perlu dan wajar bagi menguatkuasakan maksud Enakmen ini; dan
- (j) membuat perkongsian atau apa-apa perkiraan bagi pembahagian keuntungan, gabungan kepentingan, kerjasama, usaha sama, konsesi bersaling atau selainnya dengan mana-mana orang, badan, pihak berkuasa atau syarikat yang menjalankan atau melibatkan diri dalam apa-apa perniagaan atau transaksi yang boleh dijalankan supaya boleh memanfaatkan secara langsung atau tak langsung dan mengambil atau selainnya memperoleh saham dan sekuriti mana-mana syarikat itu, dan menjual, memegang milik, mengeluarkan semula, dengan atau tanpa jaminan, atau selainnya membuat urusan mengenai saham dan sekuriti itu.

Kuasa am untuk mengambil tanah melalui Pihak Berkuasa Negeri

15. (1) Jika mana-mana harta tak alih yang bukan tanah Kerajaan Negeri atau tanah rizab diperlukan bagi maksud Perbadanan dan tidak boleh diambil melalui perjanjian, Pihak Berkuasa Negeri boleh, jika difikirkannya perlu, mengarahkan pengambilan harta tak alih itu, dan

harta tak alih itu boleh diambil mengikut mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengambilan tanah bagi maksud awam yang pada masa itu berkuat kuasa dalam Negeri di mana harta tak alih itu terletak, dan apa-apa pengisytiharan yang dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis itu bahawa tanah itu diperlukan sedemikian boleh dibuat walaupun pampasan akan dibayar daripada kumpulan wang Perbadanan, dan pengisytiharan tersebut hendaklah berkuat kuasa seolah-olah ia ialah pengisytiharan bahawa tanah itu diperlukan bagi maksud awam yang dibuat mengikut undang-undang bertulis itu.

(2) Perbelanjaan dan pampasan berkenaan dengan apa-apa harta tak alih yang diambil di bawah subseksyen (1) hendaklah dibayar oleh Perbadanan.

(3) Jika apa-apa harta tak alih telah diambil di bawah subseksyen (1), Perbadanan hendaklah mengambil dokumen hakmilik yang perlu berkenaan dengan harta tak alih itu dan hendaklah membayar sewa yang dikenakan ke atas harta tak alih itu.

Kuasa meminjam

16. (1) Perbadanan boleh dari semasa ke semasa meminjam, pada apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh, dan atas apa-apa terma mengenai masa dan cara pembayaran balik dan memperoleh pembayaran balik dan selainnya dengan kelulusan Menteri Kewangan, apa-apa jumlah wang yang diperlukan bagi maksud membayar apa-apa perbelanjaan modal yang ditanggung atau akan ditanggung di bawah peruntukan Enakmen ini atau membayar balik apa-apa wang yang dipinjam dahulu.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “perbelanjaan modal” ertinya—

- (a) pampasan yang kena dibayar oleh Perbadanan bagi pengambilan tanah;
- (b) kos mengambil tanah, bangunan atau harta tak alih lain bagi maksud Enakmen ini;
- (c) kos bagi membina atau mengubah suai bangunan atau membuat kerja yang perlu bagi pembangunan mana-mana tanah sebagai tanah bangunan bagi maksud Enakmen ini;

- (d) pinjaman yang diberikan oleh Perbadanan kepada mana-mana orang di bawah seksyen 19; dan
- (e) apa-apa perbelanjaan lain yang dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya pada akaun modal.

Pinjaman boleh dicagar dengan gadai janji

17. Perbadanan boleh menjamin pembayaran balik apa-apa jumlah wang yang dipinjam melalui gadai janji atau gadaian, di sisi undang-undang atau ekuiti, apa-apa harta yang terletak hak kepada Perbadanan, atau apa-apa hasil yang akan diterima oleh Perbadanan di bawah Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain.

Penguatkuasaan cagaran

18. Jika apa-apa harta digadai atau digadaijanjikan kepada Perbadanan sebagai cagaran bagi suatu pinjaman di bawah peruntukan Enakmen ini dijual bagi maksud penguatkuasaan cagaran itu, Perbadanan boleh semasa penjualan melalui lelongan awam membeli harta itu dan boleh sama ada mengurus dan memegang milik harta itu atau menjual atau selainnya melupuskannya sebagaimana yang difikirkannya patut.

Kuasa memberi pinjaman

19. (1) (a) Perbadanan boleh memberi pinjaman atau pendahuluan daripada kumpulan wang Perbadanan kepada mana-mana orang bagi maksud membolehkan atau menolong orang itu membeli harta tak alih bagi maksud membina rumah atau membina atau mengubah suai bangunan atau membuat apa-apa kerja yang perlu bagi memajukan mana-mana tanah sebagai tanah bangunan bagi maksud perusahaan perumahan dan/atau perdagangan atau perindustrian.
- (b) Perbadanan boleh memberi pendahuluan atau meminjamkan wang atas apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Perbadanan, kepada pelanggan atau orang lain atau perbadanan yang mempunyai urusan dengan Perbadanan, dan memberi apa-apa jaminan yang disifatkan perlu.

(2) Tiap-tiap pinjaman atau pendahuluan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat atas cagaran hakmilik untuk selama-lamanya bagi tanah atau pajakan tanah (selain daripada pajakan lombong) bagi tempoh sekurang-kurangnya lima puluh tahun sebelum luput pada masa pinjaman atau pendahuluan itu dan cagaran itu hendaklah secara gadaian.

(3) Tiada pinjaman atau pendahuluan boleh diberikan di bawah seksyen ini ke atas cagaran harta yang telah tertakluk kepada gadaian terdahulu.

(4) Amaun apa-apa pinjaman atau pendahuluan yang diberikan di bawah seksyen ini tidak boleh melebihi tujuh puluh lima peratus daripada nilai harta itu pada masa itu.

Kuasa menjamin

20. Perbadanan boleh dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri Kewangan, menjamin atau menjadi bertanggung atas apa-apa pembayaran wang atau pembayaran semula pinjaman bagi apa-apa obligasi atau kontrak yang diusahakan oleh mana-mana orang atau syarikat yang dijalankan oleh sebab dan dengan kuasa nyata Perbadanan.

Kesalahan berkenaan dengan pinjaman

21. Mana-mana orang yang —

- (a) memperoleh pinjaman daripada Perbadanan di bawah peruntukan Enakmen ini dengan cara apa-apa representasi palsu;
- (b) sengaja menggunakan apa-apa pinjaman yang diberikan kepadanya oleh Perbadanan di bawah peruntukan Enakmen ini bagi apa-apa maksud selain daripada maksud yang baginya pinjaman itu diberikan; dan
- (c) setelah memperoleh pinjaman daripada Perbadanan, dengan sengaja memusnahkan apa-apa cagaran yang diberikan berhubung dengan apa-apa pinjaman itu,

boleh didenda dua ribu ringgit.

BAHAGIAN V

KUMPULAN WANG DAN HASIL PERBADANAN

Kumpulan wang Perbadanan

22. (1) Maka hendaklah ditubuhkan dua kumpulan wang yang dinamakan Kumpulan Wang Modal dan Kumpulan Wang Hasil.

(2) Kumpulan Wang Modal hendaklah mengandungi—

- (a) apa-apa jumlah wang yang dari semasa ke semasa dibayar kepada Perbadanan daripada hasil am Negeri Kedah, atau disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Kedah atau mana-mana Kerajaan di dalam Persekutuan atau oleh mana-mana orang lain atau apa-apa pemberian daripada Kerajaan Persekutuan bagi maksud Perbadanan;
- (b) apa-apa jumlah wang yang dari semasa ke semasa diperolehi Perbadanan melalui pinjaman;
- (c) segala wang lain termasuklah pindahan daripada Kumpulan Wang Hasil yang boleh dibayar ke dalam Kumpulan Wang Modal melalui ketetapan Perbadanan atau melalui apa-apa cara lain yang diperuntukkan bagi maksud itu;
- (d) segala harta lain bagi Perbadanan yang bukan sebahagian daripada Kumpulan Wang Hasil.

(3) Kumpulan Wang Hasil hendaklah mengandungi apa-apa wang permulaan yang dibayarkan ke dalam Kumpulan Wang Hasil dan segala wang yang diperolehi melalui pendapatan, keuntungan atau faedah atas penggunaan Kumpulan Wang Modal atau Kumpulan Wang Hasil.

Had menggunakan Kumpulan Wang Modal

23. (1) Kumpulan Wang Modal boleh digunakan atau dibelanjakan bagi apa-apa tujuan yang diluluskan di bawah seksyen 13 dan bagi menjalankan kuasa di bawah seksyen 14 dan 19.

(2) Kumpulan Wang Modal hendaklah hanya digunakan atau dibelanjakan pada syarat yang direka bagi memastikan pulangan kepada Kumpulan Wang itu apa-apa jumlah wang yang digunakan atau dibelanjakan.

Penggunaan Kumpulan Wang Hasil

24. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Kumpulan Wang Hasil Perbadanan itu bolehlah digunakan bagi membayar perbelanjaan yang berikut:

- (a) belanja dan elaun anggota;
 - (b) gaji, fi atau saraan bagi pegawai, agen dan pekhidmat, dan teknikal atau lain-lain penasihat bagi Perbadanan;
 - (c) semua kos, bayaran dan perbelanjaan bagi dan berkenaan dengan hal menjalankan kuasa Perbadanan menurut Enakmen ini;
 - (d) bunga di atas apa-apa wang yang dipinjam oleh Perbadanan;
 - (e) wang yang dikehendaki bagi membayar wang yang dipinjam;
 - (f) wang yang difikir patut diasingkan berkenaan dengan kesusutan di atas harta-benda Perbadanan;
 - (g) apa-apa bayaran lain bagi arkitek, pengurusan dan bayaran agensi;
 - (h) apa-apa perbelanjaan lain yang dibenarkan oleh Perbadanan dan boleh dibayar daripada kira-kira hasil dengan betulnya;
 - (i) apa-apa sumbangan atau bantuan kewangan atau kedua-duanya yang dibenar oleh Perbadanan kepada Kerajaan Negeri Kedah atau terhadap apa-apa projek atau usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Kedah;
- (2) (a) Perbadanan hendaklah menanggung bayaran-bayaran dan/atau perbelanjaannya daripada wang dalam Kumpulan Wang menurut anggaran-anggaran yang akan dibenarkan di perenggan (b).

- (b) sebelum permulaan bulan September tiap-tiap tahun, Perbadanan hendaklah menyerahkan kepada Menteri Besar satu anggaran perbelanjaan tahun berikutnya dalam borang-borang tertentu dan dengan butiran tertentu seperti yang dikehendaki oleh Menteri Besar, dan sebelum permulaan bulan November tiap-tiap tahun, Menteri Besar akan memberitahu Perbadanan jumlah anggaran yang dibenarkan bagi perbelanjaan am atau jumlah anggaran yang dibenarkan bagi tiap-tiap butiran perbelanjaan.
- (c) Perbadanan boleh pada bila-bila masa menyerahkan kepada Menteri Besar satu anggaran tambahan bagi mana-mana satu tahun dan Menteri Besar boleh membenarkan kesemua atau mana-mana bahagian di dalam perbelanjaan tambahan itu.

Pelaburan

25. Harta Perbadanan boleh, setakat mana yang ianya tidak dikehendaki untuk perbelanjaan oleh Perbadanan di bawah Enakmen ini, dilaburkan menurut cara-cara yang dibenarkan oleh Menteri Kewangan.

Akaun bank

26. (1) Semua wang yang dibayar kepada Perbadanan hendaklah dengan serta-merta dibayarkan ke dalam akaun di dalam bank tertentu atau bank-bank yang dibenarkan oleh Perbadanan.

(2) Semua perintah atau cek terhadap akaun yang tersebut hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang anggota atau seorang pegawai Perbadanan yang diberi kuasa oleh Perbadanan.

Akaun dan audit

27. (1) Perbadanan hendaklah menyimpan akaun yang betul dan lain-lain rekod berkenaan dengan perjalanannya, dan menyebabkan diadakan penyata kira-kira berkenaan dengan tiap-tiap tahun kewangan.

(2) Akaun Perbadanan itu hendaklah diauditkan tiap-tiap tahun oleh juru audit yang dilantik oleh Perbadanan dengan kebenaran Menteri Kewangan.

(3) Pada penghujung tiap-tiap tahun kewangan, selepas sahaja akaun Perbadanan diauditkan, Perbadanan hendaklah menghantar satu salinan penyata akaun kepada Menteri, bersama-sama satu salinan mana-mana laporan atau mana-mana penyata perjalanan Perbadanan atau apa-apa pemerhatian yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atau juru audit yang dilantik di bawah subseksyen (2) di atas apa-apa penyata atau perjalanan Perbadanan.

(4) Menteri Besar hendaklah mengarah atau memerintahkan satu salinan tiap-tiap penyata tersebut dibentangkan di Dewan Negeri.

Laporan tahunan

28. (1) Perbadanan hendaklah, tidak lewat daripada 30 Jun tiap-tiap tahun, membuat dan menghantarkan satu laporan mengenai aktiviti-aktiviti Perbadanan sepanjang masa tahun terdahulu kepada Menteri dan Menteri Besar.

(2) Menteri Besar hendaklah mengarah atau memerintahkan satu salinan tiap-tiap laporan tersebut dibentangkan di Dewan Negeri.

Kuasa menggunakan ejen

29. Perbadanan boleh menggunakan dan membayar gaji ejen dan penasihat teknik sama ada peguam cara, banker, broker saham, juruukur atau penilai atau lain-lain orang bagi menjalankan apa-apa pekerjaan atau membuat apa-apa perbuatan yang dikehendaki menjalankan atau menyempurnakan bagi menjalankan tanggungan Perbadanan atau bagi menjalankan dengan lebih sempurna maksud Enakmen ini dan boleh membayar semua belanja dan bayaran yang ditanggung itu.

Pengecualian

30. Tidak tertakluk kepada apa-apa yang terkandung di dalam mana-mana undang-undang bertulis, Raja dalam Mesyuarat boleh, dengan perintah, mengecualikan Perbadanan daripada pembayaran duti setem di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*], atas apa-apa kadar, cukai, bayaran yang boleh dilevikan atau dikutipkan oleh mana-mana Penguasa Tempatan dalam Negeri ini berhubung dengan apa-apa harta yang dipunyai oleh Perbadanan di atas dan tertakluk kepada sekian-sekian syarat yang akan dipertetapkan oleh Raja dalam Mesyuarat.

BAHAGIAN VI

PENGGULUNGAN PERBADANAN

Penggulungan

